

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2012/2013**

| | | |
|--------------------|---|---|
| NAMA KURSUS | : | PERTANIAN LANSKAP DAN HORTIKULTUR |
| KOD KURSUS | : | BBL 31003 |
| PROGRAM | : | SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | DISEMBER 2012 / JANUARI 2013 |
| JANGKA MASA | : | 3 JAM |
| ARAHAN | : | SILA JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A, B, DAN C |

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT BELAS (14) MUKA SURAT

SULIT

Bahagian A

- S1. “Tempat menghasilkan dan memasarkan tanaman hiasan secara kecil-kecilan”
Pernyataan di atas merujuk kepada
- A. Nurseri Kecil-kecilan
 - B. Nurseri Borong
 - C. Nurseri Runcit
 - D. Nurseri Lanskap
- S2. Pernyataan berikut yang mana satu kah bukan menerangkan tentang Rumah Tumbuhan.
- A. Dibina daripada kayu atau keluli.
 - B. Tempat untuk menyimpan tumbuhan yang tidak tahan dengan pancaran cahaya matahari.
 - C. Ia adalah struktur untuk menyimpan pokok yang memerlukan teduhan 25% - 75% mengikut keperluan jenis tumbuhan dan spesies pokok hiasan.
 - D. Tempat pentadbiran serta tempat kawalan aktiviti dalam dan luar kawasan nurseri.
- S3. Tempat Pengerasan ialah
- A. ruang tertutup bagi mengelakkan cahaya matahari masuk sepenuhnya.
 - B. ruang terbuka supaya mudah mendapat cahaya matahari sepenuhnya.
 - C. ruang untuk menyimpan tumbuh-tumbuhan yang hendak dibiakkan.
 - D. ruang untuk menyimpan peralatan dan bahan-bahan kimia pertanian.
- S4. Struktur dalam nurseri terdiri daripada
- I Kolam ikan
 - II Pejabat dan tempat jualan
 - III Setor
 - IV Tempat penyediaan medium dan pemasangan (Potting Shed)
- A. I, II dan III sahaja
 - B. II, III dan IV sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

- S5. Berikut ialah faktor penting dalam pembinaan rumah tumbuhan kecuali
- A. Orientasi
 - B. Peratus dan bahan teduh
 - C. Bahan binaan
 - D. Sistem perparitan
- S6. Berikut merupakan tanda-tanda kekurangan air kecuali
- A. daun layu dan tiada tanda pertumbuhan
 - B. daun bawah kuning, layu dan tepinya kering
 - C. bunga pudar dan gugur
 - D. bunga kelihatan segar dan warna yang cantik
- S7. Tujuan susunan tumbuhan yang baik ialah
- I Mengasingkan tanaman tanpa mengikut jenis, saiz dan harga
 - II Memudahkan kerja penyenggaraan seperti merumput dan membaja
 - III Memudahkan pergerakan kerana lorong telah diatur dengan baik
 - IV Menggunakan kawasan yang ada dengan bilangan pokok yang minimum
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. II dan III sahaja
 - D. II dan IV sahaja
- S8. Sistem penyiraman tergantung di rumah tumbuhan atau tempat berbumbung dan boleh dikawal secara automatik dikenali sebagai
- A. Manual
 - B. Percikan atau renjisan
 - C. Penyiraman titisan
 - D. Sistem kapilari

- S9. Tanda-tanda kelebihan cahaya bagi tumbuhan ialah
- I. daun kehilangan warna
 - II. tepi daun menjadi kering
 - III. bahagian tumbuhan menjadi lembut
 - IV. terdapat tompok-tompok hijau di atas daun
- A. I, II, dan III sahaja
 - B. II, III, dan IV sahaja
 - C. I, III, dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S10. Tujuan merumput ialah untuk
- I mengelakkan persaingan mendapatkan makanan, air, ruang dan cahaya
 - II mengurangkan pembajaan kepada tumbuhan
 - III mengelakkan menjadi perumah kepada penyakit dan perosak seperti serangga, kulat dan bakteria
 - IV menjadikan kawasan kelihatan bersih dan cantik
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S11. Terdapat dua faktor yang perlu diberi perhatian dalam pemilihan tapak iaitu
- A. fizikal dan tumbuhan
 - B. ekonomi dan fizikal
 - C. tapak dan muka bumi
 - D. ekonomi dan tumbuhan
- S12. *Imperata cylindrica*, *Cyperus rotundus* dan *Paspalum conjugatum* adalah nama saintifik bagi
- A. pokok renek
 - B. rumpai
 - C. tumbuhan berbunga
 - D. kaktus

- S13. Jenis-jenis tanah yang berikut mempunyai nilai pH yang rendah kecuali
- tanah bris
 - tanah gambut
 - tanah gembur
 - tanah asid sulfat
- S14. Sifat-sifat tanah ini mempunyai struktur yang baik kecuali
- mengurangkan kandungan tanah liat di dalam tanah
 - membenarkan air dan udara meresap dengan mudah
 - mengurangkan kesan toksik gas karbon dioksida dalam tanah
 - menambahkan daya tahan tanah terhadap timpaan hujan yang kuat
- S15. Berikut merupakan kesan buruk terhadap tanah yang mempunyai nilai pH yang terlalu rendah kecuali
- banyak nutrien tumbuhan tidak sedia diambil oleh tumbuhan
 - proses penyahnitratasi yang berlaku dalam tanah akan terganggu
 - aktiviti mikroorganisma yang berfaedah kepada tumbuhan akan terganggu
 - populasi sesetengah mikroorganisma penyebab penyakit akan bertambah
- S16. Padankan agen kawalan biologi di bawah dengan perosak yang dikawal.
- | | | | |
|----|-------------------------------|---|-------------------|
| A. | <i>Bacillus thuringiensis</i> | & | nematoda |
| B. | Burung gagak | & | ulat buah kopi |
| C. | Aphid | & | larva kupu-kupu |
| D. | Bunga Tahi Ayam | & | kumbang kura-kura |
- S17. Biogas terdiri daripada campuran beberapa jenis gas. Susunkan jenis-jenis gas di bawah ini mengikut peratusan gas itu dalam biogas daripada yang terbanyak kepada yang paling sedikit.
- Metana
 - Karbon dioksida
 - Hidrogen sulfida
 - Karbon monoksida
- I, IV, III dan II
 - III, I, IV dan II
 - IV, III, II dan I
 - II, IV III dan I

- S18. Baja jenis butiran boleh digunakan secara terus kepada tanaman jenis hablur. Baja jenis cecair hendaklah dicampurkan dengan air terlebih dahulu sebelum disebarkan kepada tanaman. Pernyataan di atas merujuk kepada baja
- A. baja kimia
 - B. baja urea
 - C. baja organik
 - D. baja sebatian
- S19. Berikut merupakan beberapa prinsip lanskap. Pilih padanan yang kurang tepat.
- A. Keanekaan – menyamakan elemen pertentangan dan kontras
 - B. Keseimbangan – Gubahan dan susunan tanaman dalam lanskap
 - C. Ukuran – perbandingan antara saiz elemen dengan tanaman dalam lanskap
 - D. Turutan - Turutan daripada satu gubahan dan susunan tanaman kepada satu gubahan dan susunan yang lain
- S20. Apakah ciri-ciri tumbuhan hiasan dalam pasu yang perlu dilakukan pemasangan semula?
- I. Akar keluar ke permukaan
 - II. Media memasu menjadi padat
 - III. Tanaman hiasan yang berbunga
 - IV. Air bertakung di permukaan medium
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. III dan IV sahaja
 - D. II dan IV sahaja
- S21. Jenis-jenis keratan batang ialah
- I Keratan Kayu Lembut
 - II Keratan Kayu Tunjang
 - III Keratan Kayu Keras
 - IV Keratan Kayu Lentur
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. II dan IV sahaja
 - D. III dan IV sahaja

S22. Di antara berikut yang manakah fungsi-fungsi tanaman dalam pelanskapan.

- I. Melembutkan seni bina yang keras seperti bangunan.
- II. Mengindahkkan kawasan dengan bentuk, warna dan tekstur yang menarik.
- III. Mewujudkan persekitaran yang harmoni dengan alam.
- IV. Menghalang pandangan yang dikehendaki.

- A. I, II, dan III sahaja
- B. I, II dan IV sahaja
- C. I, III dan IV sahaja
- D. I, II, III dan IV

S23. Berikut ialah panduan bagi memilih pokok hiasan dalam pelanskapan, kecuali

- A. pilih pokok yang lambat pertumbuhannya
- B. pilih pokok yang sihat dan membentuk tersendiri
- C. pilih pokok yang mengeluarkan buah atau mempunyai akar yang baik
- D. pilih pokok yang sesuai dengan tanah, bentuk, ukuran dan luas kawasan

S24. Nyatakan fungsi tanaman dalam pelanskapan.

- I Memberikan teduhan
- II Menghadang pemandangan
- III Memberi ruang separa privasi
- IV Memberi ruang sepenuh privasi

- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S25. Berikut merupakan senarai elemen rekabentuk dalam lanskap, kecuali

- I warna
 - II tekstur
 - III bentuk
 - IV simetri
- A. IV sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

S26. Elemen lanskap semulajadi rupa bumi ialah

- A. air pancut
- B. bukit bukau
- C. pergola
- D. kolam

S27. Tujuan Garisan dalam pelanskapan ialah untuk

- I menarik perhatian kepada sesuatu objek
 - II membahagi ruang
 - III menggabung/ mengaitkan beberapa objek secara berkumpulan
 - IV mengasingkan objek yang tidak berkaitan
- A. I, II dan III sahaja
 - B. II, III dan IV sahaja
 - C. I, II dan IV sahaja
 - D. I,II,III dan IV

S28. Manakah antara berikut kategori Warna Panas

- A. Biru
- B. Oren
- C. Hitam
- D. Hijau

S29. Berikut adalah kelebihan pembiakan seks kecuali

- A. biji benih mudah diperolehi
- B. boleh dibiak dalam kuantiti yang banyak
- C. ciri-ciri pokok induk tidak diwarisi sepenuhnya
- D. pokok mempunyai akar tunjang

S30. Manakah abtara berikut bukan ciri pokok naungan ?

- A. Tumbuh rendang
- B. Mempunyai kanopi yang padat
- C. Boleh mencapai ketinggian 10 meter
- D. Mengeluarkan ranting dari bahagian pangkal

- S31. Tumbuhan yang mempunyai ketinggian kurang daripada 30cm dari permukaan tanah kebanyakannya tumbuh secara melata atau menjalar. Senarai di bawah adalah contoh tumbuhan yang dijelaskan di atas kecuali
- A. *Celosia spp.*
 - B. *Hemigraphis sp.*
 - C. *Alternanthera spp.*
 - D. *Portulaca grandiflora*
- S32. Semarak Api (*Delonix regia*), Tembusu (*Fragea fragrans*), Bungor (*Lagerstroemia speciosa*), Bunga Tanjung (*Mimusop elengi*) dan Hujan-hujan (*Enterolobium saman*) adalah contoh tumbuhan bagi
- A. palma
 - B. saka
 - C. orkid
 - D. kaktus
- S33. Manakah antara pernyataan berikut yang menerangkan tentang ciri-ciri tumbuhan renek?
- A. Tumbuhan berbatang kayu yang banyak mengeluarkan dahan serta ranting dari bahagian pangkal.
 - B. Tumbuhan ini mempunyai ketinggian lebih daripada lima meter.
 - C. Tumbuhan renek tidak mengeluarkan bunga yang menarik atau mempunyai daun yang pelbagai warna dan bentuk.
 - D. Tidak mempunyai pelbagai tekstur
- S34. Fungsi dan kegunaan pokok renek ialah
- I Pagaran
 - II Pemisah kawasan
 - III Tumbuhan naungan
 - IV Tanaman latar hadapan
- A. I, II dan III sahaja
 - B. II, III dan IV sahaja
 - C. I, II dan IV sahaja
 - D. I, III dan IV

- S35. Tanaman hiasan dalaman yang didedahkan kepada cahaya matahari terik akan menyebabkan
- A. kehilangan nutrien pada tumbuhan
 - B. tumbuhan mudah diserang penyakit
 - C. berlakunya perubahan warna pada daun
 - D. tumbuhan terbantut dan tidak berbunga dengan baik
- S36. Tumbuhan yang hidup dalam jangkamasa singkat, biasanya mati selepas mengeluarkan bunga dan selalu digunakan untuk hiasan pentas atau majlis rasmi. Pernyataan di atas merujuk kepada
- A. tumbuhan renek
 - B. tumbuhan lendair
 - C. tumbuhan semusim
 - D. tanaman hiasan dalaman
- S37. Fungsi dan kegunaan tumbuhan penutup bumi ialah
- I Menghalang hakisan
 - II Menutup permukaan bumi di kawasan cerun
 - III Menarik serangga dan unggas kecil
 - IV Memberikan warna pada lanskap
- A. I, II, dan IV sahaja
 - B. II, III dan IV sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV
- S38. Di antara berikut yang manakah bukan ciri-ciri pemilihan rumput turf?
- A. Cepat melata
 - B. Tidak tahan penyakit
 - C. Berdaun padat
 - D. Tahan dipijak

S39. Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri yang sesuai bagi tumbuhan pepagar.

- I Pokok berbunga dengan lebat
- II Pokok yang mempunyai tendril
- III Daun yang tumbuh dengan padat
- IV Mempunyai banyak dahan dan ranting

- A. I dan II sahaja
- B. II dan III sahaja
- C. I dan IV sahaja
- D. III dan IV sahaja

S40. - merupakan sekumpulan tumbuhan dalam keluarga *Palmae*.
 - merupakan tumbuhan monokotiledan yang terbesar saiznya.
 - mempunyai batang tunggal, tidak bercabang dan diakhiri dengan sejambak daun.
 - *Veitchia merillii*, *Areca catechu*, *Borassus flabellifer*.
 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. Pokok renek
- B. Pokok naungan
- C. Pokok palma
- D. Pokok hiasan dalaman

S41. Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri bagi pokok orkid

- I Tumbuhan yang tergolong dalam famili Orchidaceae
- II Mempunyai bunga yang cantik dari segi bentuk dan warnanya
- III Mempunyai akar udara yang berfungsi untuk menyerap nutrien
- IV Tidak sesuai untuk dijadikan bunga keratan kerana tidak tahan lama

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, II dan IV sahaja
- C. I, III dan IV sahaja
- D. I, II, III dan IV

S42. Manakah di antara berikut tumbuhan hiasan yang dibiakkan dengan cara keratan kayu lembut?

- A. *Coleus blumei*
- B. *Baphia nitida*
- C. *Tecomaria capensis*
- D. *Hibiscus rosa sinensis*

- S43. Berikut merupakan pernyataan yang benar mengenai keratan kayu sederhana kecuali
- sistem akarnya tidak sebaik keratan kayu lembut.
 - keratan diambil daripada bahagian dahan atau batang yang baru matang.
 - sebahagian daripada daun pada keratan dibuang semasa proses penyemaian.
 - tumbuhan hiasan dibiakkan dengan cara ini ialah *Duranta spp.* dan *Ixora spp.*
- S44. Tumbuhan seperti *Sainpaulia sp.* dibiakkan dengan cara
- keratan lai daun
 - keratan tunas daun
 - keratan urat daun
 - keratan tangkai daun
- S45. Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai pembiakan tumbuhan hiasan secara keratan daun kecuali
- daun induk akan reput apabila anak pokok tumbuh.
 - tumbuhan yang dibiakkan mempunyai daun yang berlendair.
 - hormon penggalak akar digunakan untuk mempercepatkan pengeluaran akar.
 - medium semaian yang digunakan adalah 2 bahagian tanah loam , 1 bahagian bahan organik dan 1 bahagian pasir sungai.
- S46. Anak pokok yang tumbuh di bahagian tepi urat daun pada tumbuhan hiasan adalah dari jenis
- Bryophyllum spp.*
 - Begonia rex*
 - Lornicera spp.*
 - Sansevieria trifasciata*
- S47. Alatan asas lukisan grafik bagi lanskap ialah
- Papan surih atau meja lukis
 - Sesiku-T
 - Pena mata bola
 - Kertas lukisan
- I, II dan III sahaja
 - II, III dan IV sahaja
 - I, II dan IV sahaja
 - I,II,III dan IV

S48. Di antara jenis pelan-pelan yang digunakan dalam proses mereka bentuk dan pelaksanaan projek lanskap ialah

- I. Pelan asas
- II. Pelan inventori dan analisis
- III. Pelan induk lanskap
- IV. Maklumat bertulis

- A. I, II dan III sahaja
- B. II, III dan IV sahaja
- C. I, II dan IV sahaja
- D. I, II, III dan IV

S49. Berikut konsep rekabentuk taman untuk kediaman kecuai

- A. Pasifik
- B. Terapi
- C. Mediterranean
- D. Zen

S50. Elemen-elemen yang sering digunakan dalam Taman Zen ialah

- I Tasik
- II Sand and Pebbles
- III Water Fountain
- III Tumbuh-tumbuhan

- A. I, II dan III sahaja
- B. II, III dan IV sahaja
- C. I, II dan IV sahaja
- D. I, II, III dan IV

Bahagian B (10 markah)

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang disediakan di bawah.

| | | | |
|---------------------|----------------|-----------------------|-----------------------|
| Orkid Simpodial | Baja Organik | Pembiakan aseks | Simetri |
| <i>Potting Shed</i> | Pergola | <i>Mounting board</i> | Rumput turf |
| Nurseri Lanskap | Pembiakan seks | Tanaman penutup bumi | Orkid monopodial |
| Penyiraman titisan | Taman Zen | Nurseri | Percikan dan renjisan |

- S1. _____ ialah tempat anak benih pokok dihasilkan dan ditempatkan sebelum ditanam di tempat yang kekal atau dipasarkan.
- S2. Tempat penyediaan medium dan pemasangan ialah ruang berbumbung bagi menempatkan bahan medium seperti tanah, pasir dan bahan organik di kenali sebagai _____.
- S3. Kebanyakan nurseri ini tidak mengeluarkan tanaman hiasan sendiri tetapi mendapat bekalan daripada nurseri borong atau nurseri runcit dikenali sebagai _____.
- S4. _____ terdiri daripada sisa tumbuhan atau najis haiwan. Biasanya ia digunakan sebagai baja permulaan. Ia bertujuan untuk meninggikan tahap kesuburan tanah dan memperbaiki tekstur tanah.
- S5. Kaedah ini membolehkan penggunaan air lebih berkesan kerana setiap pokok menerima air yang dibekalkan melalui hos getah yang berlubang terus ke dalam medium tanaman. Ia juga boleh dikawal secara automatik. Kaedah ini dinamakan sebagai _____.
- S6. _____ adalah pembiakan yang melibatkan persenyawaan gamet jantan dan gamet betina untuk membentuk zigot.
- S7. _____ ialah tumbuhan yang mempunyai ketinggian kurang daripada 30cm dari permukaan tanah dan tumbuh secara melata atau menjalar di permukaan tanah.
- S8. _____ ialah sekumpulan rumput daripada keluarga *Poaceae* yang ditanam dan dijaga dengan rapi di padang permainan, halaman rumah, padang lumba kuda, padang golf dan pinggiran jalan.
- S9. _____ hanya mengeluarkan satu jambak bunga pada satu batang atau bebawang palsu. Pengeluaran batang atau bebawang palsu ini seolah-olah hidup serumpun. Pembiakan aseks boleh dilakukan dengan cara belahan rumpun. Contohnya: *Oncidium sp.*, *Cattleya sp.* dan *Dendrobium sp.*
- S10. Elemen tambahan dalam lanskap di mana strukturnya terbina daripada kayu, batu ataupun besi dalam keadaan selari dan di atasnya di sokong oleh struktur bumbung terbuka yang bersilang dinamakan sebagai _____.

Bahagian C (40 markah)

ARAHAN: Jawab semua soalan

- S1. a. Berikan definisi lanskap. (2 markah)
- b. Huraikan EMPAT (4) elemen asas dalam lanskap yang merupakan sumber utama digunakan dalam reka bentuk lanskap. (8 markah)
- S2. Terdapat beberapa prinsip yang boleh digunakan dalam mereka bentuk lanskap. Senaraikan LIMA (5) sahaja prinsip tersebut dan huraikan. (15 markah)
- S3. Huraikan LIMA (5) komponen dalam sesuatu pelan lanskap. (15 markah)

-Soalan Tamat-